

BERITA HARIAN (14/09/2019) M/S 27

Virus pembunuh

Buat pemeriksaan pap smear
tiga tahun sekali, cegah
kanser serviks

Info

Pap Smear

- Lebih 150 jenis virus hrHPV
- 12 daripadanya berisiko tinggi menyebabkan kanser.
- Virus hrHPV berisiko menghidap kanser faraj, dubur dan luar faraj.

Ujian Pap Smear

1. Jika sel tidak normal pada serviks, pakar akan melakukan pemeriksaan menerusi teleskop 'colposcopy' untuk mengesan lokasi serviks tidak normal.
2. Pakar akan mengenal pasti sel...

Dr Zaharuddin Rahmat
@ Mohd Rawi,
Pakar Perbidanan Sakit
Puan dan Kanser Wanita
Pusat Perubatan Sunway.

Oleh Nor Hatina Shuib

hatina@bh.com.my

Ramai wanita takut menjalani pemeriksaan saringan kanser serviks, pap smear yang disifatkan menyakitkan, selain malu diperiksa doktor menyebabkan kes membatalkan penyakit ini semakin meningkat saban tahun.

Di negara ini, hanya 22.2 peratus wanita pada usia 20 hingga 65 tahun menjalani pemeriksaan setiap satu hingga tiga tahun sekali dan selebihnya gagal berbuat demikian.

Pakar Perbidanan Sakit Puan dan Kanser Wanita Pusat Perubatan Sunway, Dr Zaharuddin Rahmat @ Mohd Rawi, berkata virus 'pemunuh' ini mampu dicegah dengan dua kaedah iaitu melalui vaksinasi human papillomavirus (hrHPV) dan ujian pap smear untuk mengesan sel serviks tidak normal pada peringkat awal.

Katanya, wanita sudah berkahwin atau yang melakukan hubungan seks disarankan melakukan pemeriksaan pap smear setiap tiga tahun.

"Faktor utama kanser serviks adalah jangkitan virus berisiko tinggi hrHPV menerusi hubungan kelamin. Melakukan seks dengan ramai pasangan dan yang aktif seks lebih berisiko tinggi.

Takut buat pemeriksaan

Hampir 100 peratus kanser serviks berlaku disebabkan virus hrHPV berjangkit menerusi hubungan seks.

"Individu melakukan hubungan seks walaupun hanya sekali juga berisiko menhidap kanser ini berbanding tidak pernah mela-

kukannya," katanya.

Dr Zaharuddin berkata, vaksin HPV boleh diambil oleh individu belum pernah melakukan hubungan seks manakala yang pernah, mereka disarankan membuat pemeriksaan pap smear sebagai pencegahan dan rawatan.

Individu yang berkahwin boleh mengambil suntikan HPV, tetapi vaksin ini lebih berkesan melindungi mereka yang mendapat suntikan itu, sebelum melakukan hubungan seks kali pertama.

Beliau berkata, virus itu berada dalam tubuh dalam tempoh dua tahun dan akan hilang disebabkan imuniti seseorang.

"Tetapi virus akan kekal dalam tubuh jika seseorang berdaya tahan rendah dan berisiko menhidap penyakit serius seperti kanser serviks.

"Untuk mengelak jangkitan kanser, individu perlu membuat pemeriksaan pap smear secara berkala, amalkan gaya hidup sihat seperti tidak merokok dan kurangkan minuman alkohol," katanya.

Tidak dinafikan, ramai wanita enggan menjalani pemeriksaan pap smear kerana takut keputusan ujian didiagnos didapati menghidap kanser serviks.

Seorang daripada 10 wanita yang menjalani pemeriksaan pap smear menunjukkan ada perubahan kepada sel serviks disebabkan pelbagai punca seperti jangkitan kulat dan bakteria.

Boleh dicegah

Beliau berkata, wanita tidak perlu bimbang, kerana perubahan sel serviks ini biasanya bukan kanser, tetapi salah satu 'kebaikan' kanser ini

adalah ia boleh dicegah dan dirawat.

Ia satu-satunya kanser yang boleh dicegah menerusi pemeriksaan pap smear untuk melihat sel pangkal rahim berada dalam keadaan normal atau tidak.

"Sebelum sel bertukar menjadi kanser, ia boleh dirawat dengan membuang sel tidak normal. Jika disahkan menhidap kanser, keseluruhan pangkal rahim perlu dibuang kerana dibimbangi merebak ke bahagian lain," katanya.


Di negara ini, kerajaan menerusi Kementerian Kesihatan menyediakan program imunisasi di sekolah sebagai langkah awal mencegah kanser pangkal rahim membabitkan golongan itu.

Justeru, pelalian HPV diberi secara percuma kepada pelajar berusia 13 tahun sejak 10 tahun lalu.

"Vaksin HPV adalah satu-satunya kaedah pencegahan diberikan kepada pelajar wanita sebelum mereka melakukan hubungan seks pertama.

"Suntikan vaksin mampu mencegah lebih 90 peratus kanser serviks di negara ini jika seseorang belum melakukan hubungan seks," katanya.

Prosedur pap smear sangat mudah, tidak sampai lima minit dan tidak menyakitkan dan keputusan sampel ujian itu diketahui antara tiga hingga empat hari.



Kes kanser servik



75-80% lelaki dan wanita dijangkiti hrHPV sepanjang hidup (pulih semula disebabkan daya ketahanan tinggi)

Di Malaysia

1:116 wanita berisiko menhidap penyakit ini

24% wanita dikesan pada peringkat pertama

Gejala

1. Haid tidak teratur.
2. Pendarahan haid banyak.
3. Sakit di bahagian pelvik.
4. Rembesan pada pangkal rahim.
5. Pendarahan faraj selepas hubungan seks.

2. Pakar akan mengenal pasti sel itu berada di peringkat CIN1, CIN2 atau CIN3 mahupun kanser.
3. Pembedahan kecil dijalankan membuang sel tidak normal jika berada di peringkat 1,2, dan 3.
4. Jika sel tidak normal berada di peringkat kanser, keseluruhan rahim akan dibuang. Pesakit boleh menjalani radioterapi dan kemoterapi sebagai rawatan susulan.